



■ PERTEMUAN JAGUH...Razip Ismail dan pesilat negara, Haslina Shaharudin di majlis persandingan di Bangunan Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam.

Semalam bersanding hari ini

3
B. Harjan (M)
‘berpisah’
17 SEP 1990

PERTEMUAN di Kem Latihan Nasional, Bangi untuk menghadapi Sukan SEA tahun lalu, membawa pemain bolasepak kebangsaan, Razip Ismail dan pesilat negara, Haslina Shaharudin ke jinjang pelamin.

Perkenalan mereka sejak Sukan SEA bertambah mesra, yang membawa kepada perkahwinan di Kuala Lumpur, semalam. *PERKAWINAN MUKHY*
“Memang ramai rakan bolasepak tidak sangka perkenalan kami mencecah jinjang pelamin. Ini dikatakan jodoh,” kata Razip selepas majlis persandingannya semalam.

Haslina, 19, dan berasal dari Seremban, adalah antara pesilat negara yang mengikuti latihan di Bangi menjelang Sukan SEA tahun lalu. *PERKAWINAN*
Bagi Razip, 28, kenangan manis persandingan di Dewan Besar Bangunan Tabung Haji akan dibawa bersamanya ke Beijing, China apabila mewakili pasukan negara pada Sukan Asia, bermula Ahad.

Walaupun keberatan, Razip terpaksa meninggalkan isteri sehari selepas perkahwinan. Majlis itu turut dihadiri oleh Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (PBKL), Tan Sri Elyas Omar dan penolong pengurus kebangsaan, Datuk Haji Mohamed Jais.